



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA PERKUKUH PENGESANAN SEKURITI NUKLEAR SERANTAU

JOHOR BAHRU, 10 JULAI 2025 – Kemuncak kepada **Latih Amal Pelbagai Hala Sekuriti Nuklear, Malaysia-Indonesia-Thailand-Singapura 2025 (MITSATOM 2025)** telah berlangsung hari ini menerusi pelaksanaan ***Field Training Exercise (FTX)*** yang diadakan di Jeti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Gelang Patah, Johor Bahru, Johor.

FTX ini mempamerkan demonstrasi koordinasi lintas agensi dalam bertindak balas terhadap kejadian sekuriti nuklear melibatkan penyeludupan bahan radioaktif merentas sempadan maritim, dan merupakan kesinambungan kepada *Tabletop Exercise (TTX)* yang telah dilaksanakan pada 8 dan 9 Julai 2025.

Pelaksanaan FTX secara fizikal telah menguji keupayaan aset dan keanggotaan pelbagai agensi dalam menangani senario penyeludupan bahan radioaktif merentas sempadan darat dan laut di rantau ASEAN. Sepanjang latih amal, pelbagai aset serta anggota telah digerakkan daripada agensi penguatkuasa undang-undang, iaitu Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dan Kementerian Luar Negeri (KLN). Latihan ini turut menampilkan demonstrasi taktikal merangkumi aspek pengesanan, pemantauan, pengasingan, pengurusan serta penyimpanan bahan radioaktif dalam situasi ancaman yang menyerupai keadaan sebenar.

Latihan ini telah disaksikan oleh Puan Ruziah Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan wakil daripada negara Singapura, Puan Koh Li-Na Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Perkhidmatan Meteorologi dan Perlindungan Sinaran (MSRP). Selain itu, latihan ini turut disaksikan oleh wakil dari negara Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei Darussalam, Amerika Syarikat, Kerajaan Arab Saudi, Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa (INTERPOL).

Penganjuran MITSATOM 2025 secara menyeluruh mencerminkan keterangkuman dan keyakinan terhadap jaringan kerjasama serantau serta komitmen terhadap kesejahteraan sejagat. Ia turut memperkuat prinsip Malaysia MADANI yang menjunjung nilai-nilai berteraskan integriti, keselamatan bersama dan tanggungjawab sejagat dalam menghadapi cabaran sekuriti nuklear rentas sempadan.

Secara keseluruhan, latihan ini telah berjaya mencapai objektif utamanya, iaitu menilai tahap kesiapsiagaan, keberkesanan koordinasi antara agensi serta kecekapan prosedur operasi standard dalam menangani kejadian sekuriti nuklear rentas sempadan.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI
10 JULAI 2025**

Link Gambar : https://drive.google.com/drive/folders/11fVeBXV7z-5pKs3Bz1GR5m_dQGXSPrz?usp=sharing

JABATAN TENAGA ATOM Pengawalan ke atas penggunaan benda-benda radioaktif telah dijalankan sejak tahun 1968 lagi apabila Parlimen meluluskan Akta Benda-benda Radioaktif 1968. Memandangkan perkembangan aktiviti tenaga atom yang pesat di Malaysia, kawalan yang lebih berkesan diperlukan Pada April 1984, Parlimen telah meluluskan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

Seterusnya Lembaga Perlesenan Tenaga Atom telah ditubuhkan pada 1 Februari 1985 dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada 27 Oktober 1990, jabatan ini telah ditempatkan di bawah Kementerian, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Pada 9 Jun 2022, agensi ini telah dinamakan sebagai Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia). Atom Malaysia adalah sebuah badan penguatkuasa yang bertanggungjawab bagi mengawal dan mengawalselia Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan perundangan-perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya. Tujuannya adalah bagi memastikan semua aktiviti yang melibatkan penggunaan tenaga atom dikendalikan dengan selamat tanpa membahayakan pekerja, orang awam, harta benda dan alam sekitar.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.atom.gov.my

Untuk pertanyaan Media, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat kami:

Nor Rokiah binti Alias
Ketua Unit Komunikasi Korporat
Emel : rokih @atom.gov.my

Muhammad Zul Adzri bin Muhammad Jamil
Pegawai Komunikasi Korporat
Emel: mzul@atom.gov.my

Nor Faezah binti Rabani
Pegawai Komunikasi Korporat
Emel: faezahrabani@atom.gov.my